



## **SIARAN AKHBAR**

### **MESYUARAT KALI KE-VII MENTERI-MENTERI BELIA ASEAN DAN MESYUARAT KALI KE-3 MENTERI-MENTERI BELIA ASEAN+3**

**20 OKTOBER 2011, Hanoi, Viet Nam**

---

Hanoi, Viet Nam - Mesyuarat Kali Ke-VII Menteri-Menteri Belia ASEAN (*AMMY*) dan Mesyuarat Kali Ke-3 Menteri-Menteri Belia ASEAN +3 (*AMMY+3*) telah diadakan pada 20 Oktober 2011 di Hanoi, Viet Nam. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Pegawai-Pegawai Kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ke arah persediaan *AMMY* dan *AMMY+3*, Mesyuarat Persediaan Pegawai-Pegawai Kanan (Prep SOM) telah diadakan pada 18 hingga 19 Oktober 2011 di Hanoi, Viet Nam dan Delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Hamid bin Haji Mohd Jaafar, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat tersebut telah dibuka rasmi oleh Perdana Menteri Vietnam iaitu Tuan Yang Terutama Nguyen Tan Dung. Di Mesyuarat ini, Menteri-Menteri Belia ASEAN menekankan kepentingan kerjasama untuk meningkatkan penglibatan belia dalam pembangunan Komuniti ASEAN, begitu juga dalam pembangunan sumber manusia ke arah kemajuan belia di masa hadapan.

Di mesyuarat tersebut, para menteri mengambil maklum tentang program-program belia yang sudah dilaksanakan, dan yang dalam perancangan dalam berbagai aspek yang dikendalikan di bawah Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Belia ASEAN (*SOMY*) termasuk program-program dan aktiviti di bawah ASEAN + 3.

Di Mesyuarat tersebut, para menteri menekankan pentingnya untuk mempercepatkan pelaksanaan ASEAN Social-Cultural Community (*ASCC*) Blueprint yang berkaitan dengan pembangunan belia. Para Menteri mengambil maklum program-program keusahawanan, kepimpinan, pendidikan, kesukarelawan dan usaha ke arah meningkatkan pemahaman mengenai ASEAN, adalah 'cornerstone' bagi pembangunan belia ASEAN. Ke arah itu, para Menteri bersetuju menyokong program-program berikut untuk dilaksanakan, antaranya ialah *ASEAN Young Leaders Exchange*, *the ASEAN Young Entrepreneurs Festival*, *ASEAN Youth Volunteers Program*; *Regional Workshop on Entrepreneurs Skills Training for the Development of ASEAN Out-of School Youth (OSY)* yang menekankan proses Agro, ASEAN +3 Eco-Tourism for Youth, dan seterusnya Penubuhan Tabung Program Belia ASEAN bagi membiayai program-program belia ASEAN ke arah merialisasikan ASEAN Komuniti 2015.

Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa ucapannya dalam AMMY menekankan tentang persetujuan Pemimpin-Pemimpin ASEAN terhadap '*ASEAN Charter*' dan '*Road Map for ASEAN Community by 2015*' yang mana

salah satu fokus utama dalam mencapai matlamat dan kecemerlangan Komuniti ASEAN banyak bergantung kepada persiapan belia hari ini sebagai pemimpin masa depan.

Menurut Yang Berhormat Pehin Menteri, tema *AMMY* dan *AMMY+3* pada tahun ini iaitu "*Youth and Human Resource Development – Investing in the future of ASEAN Community*" sangat bertepatan dan berharap program dan projek yang dilaksanakan mampu melahirkan belia yang berpotensi mengharungi segala cabaran dan rintangan globalisasi.

Dalam ucapan Yang Berhormat Pehin Menteri lagi, sejajar dengan Wawasan Negara 2035 untuk melahirkan rakyat Brunei yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran, Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Tabung Sumber Manusia melalui pelaksanaan tiga skim iaitu Skim Latihan dan Pekerjaan, Skim Pembangunan Keupayaan Sumber Tenaga di sektor swasta dan Skim Biasiswa Dalam Negeri bagi Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Institusi Pengajian Swasta.

Dengan adanya pemedulian dan usaha berterusan pihak Kerajaan dalam meningkatkan perkembangan dan pertumbuhan Sumber Tenaga Manusia di negara ini, telah turut mencetuskan kreativiti dan inovasi golongan belia terutama dalam industri kreatif.

Melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam mempersiapkan golongan belia, baru-baru ini telah menganjurkan Ekspo Belia Kreatif dan Inovatif bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan semasa September tahun ini, sebagai wadah para belia mempamerkan kreativiti dan inovasi produk dan khidmat masing-masing, sekaligus ke arah penggalakkan penglibatan dalam bidang keusahawanan.

Menurut Yang Berhormat Pehin Menteri lagi, dasar pembangunan Tenaga Manusia adalah terbuka kepada semua golongan belia. Bagi belia yang tidak mampu meneruskan pengajian ke peringkat tinggi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menyediakan Pusat Pembangunan Belia yang bukan saja menyediakan latihan kemahiran bagi menampung kehendak pasaran tetapi juga pendidikan belia agar lebih cekal dan berdikari. Ke arah penyumbangan pembangunan kapasiti di kalangan belia dalam jangka panjang, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan melancarkan *pilot* Program Khidmat Bakti Negara bulan Disember nanti dengan penekanan terhadap empat bidang penting iaitu berdikari dan jati diri, kenegaraan, keusahawanan dan khidmat masyarakat.

Yang Berhormat Pehin Menteri juga berucap semasa Mesyuarat *AMMY* bahawa belia hari ini bukan sahaja bergantung kepada pendidikan dan kemahiran pekerjaan semata-mata, tetapi juga perlu membentuk kekuatan rohani agar belia sebagai asset negara mampu menangkis sebarang cabaran dan rintangan, dan bukanlah menjadi beban kepada negara.

Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkesempatan menyaksikan pameran gambar aktiviti-aktiviti belia Viet Nam yang telah dianjurkan oleh *National Committee on Youth of Viet Nam*. Pameran tersebut menggambarkan aktiviti para belia Viet Nam di dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, keusahawanan, pertanian, khidmat kepada masyarakat, kesukarelawanan, penyertaan belia dalam dan luar negeri. Bertepatan dengan sambutan sempena hari 1000 tahun kemerdekaan rakyat Vietnam, pameran tersebut turut mempamerkan sejarah perjalanan Viet Nam dalam usaha menuntut kemerdekaanya.

Di akhir Mesyuarat, para Menteri-Menteri Belia ASEAN ini juga berkesempatan berinteraksi dengan belia-belia daripada Negara ASEAN +3 termasuk Negara Brunei Darussalam yang telah menghadiri '2<sup>nd</sup> ASEAN + 3 Youth Caucus' pada 17-21 Oktober 2011 di Hanoi, Viet Nam. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh empat (4) orang belia yang aktif dalam persatuan dan mengendali projek-projek kebeliaan.

Mesyuarat Menteri-Menteri Belia ASEAN Kali Ke-VIII (*AMMYVIII*) akan diadakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2013.

**20 Oktober 2011**  
**Sheraton Hanoi Hotel,**  
**Hanoi, Vietnam**

**Note:**

*Pictures emailed separately to save space.*